

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.3, NO. 10 HINGGA 50)

(SOALAN NO.5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 39)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG
DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA NO. 9)**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU
KAWASAN : TUARAN
TARIKH : 20 NOVEMBER 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang perancangan dan pelaksanaan pembinaan Pan Borneo Highway.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak adalah projek yang menjadi keutamaan kementerian ini dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan.

Pada tahun 2014 ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo. Daripada jumlah tersebut, peruntukan RM100 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek sambungan yang telah komited, manakala RM400 juta lagi baki peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek baru yang telah diluluskan seperti senarai berikut:

Sarawak:

- (a) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun (44km);
- (b) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian (8km); dan
- (c) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;

Sabah:

- (a) Menaik taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur, Pakej 1 (13.7km);
- (b) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Pakej 1A dan 1B (6km);
- (c) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Fasa 1 (15km); dan
- (d) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Fasa 1 (5.6km).

Di samping itu, kementerian ini komited untuk meneruskan pelaksanaan program-program keselamatan di sepanjang Jalan Pan Borneo, iaitu melibatkan skop menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan (blackspots) dan pelbagai projek kecil lain yang berkaitan. Untuk itu, terdapat 109 bilangan projek dengan kos projek sebanyak RM457 juta telah diluluskan bagi tempoh pelaksanaan dari tahun 2012 hingga 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mempercepatkan lagi pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut menerusi inisiatif daripada pihak swasta. Pada masa kini, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS, JPM) sedang meneliti dan memperincikan cadangan oleh pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]
TARIKH : KHAMIS, 20 NOVEMBER 2014
RUJUKAN : L15 [PR-1323-L64036]
SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kos perbelanjaan bagi pesta Floria Putrajaya bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera, kos perbelanjaan Festival Bunga dan Taman atau Floria Putrajaya dari tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	KOS PERBELANJAAN (RM)	PEMBIAYAAN OLEH (RM)	
		PERBADANAN PUTRAJAYA	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
2010	4,820,588.92	4,620,588.92	200,000.00
2011	5,176,415.83	4,930,415.83	246,000.00
2012	6,079,248.50	5,679,248.50	400,000.00
2013	7,344,200.94	4,244,200.94	3,100,000.00
2014	6,887,369.91	3,887,369.91	3,000,000.00

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, penyaluran peruntukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan tahun 2013 dan 2014 adalah melalui program NKEA *Vitalizing Putrajaya*.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 20.11.2014

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan yang sudah disalur untuk menaik taraf sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak yang berkeadaan daif sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, di bawah Rancangan Malaysia ke-10, dari Rolling Plan Pertama (tahun 2011) sehingga Rolling Plan Ketiga (tahun 2013), Kementerian telah melaksanakan sebanyak **870 buah** projek dengan anggaran kos sebanyak **RM 2.01 billion** bagi negeri Sabah. Daripada 870 buah projek ini, sebanyak 715 buah projek telah disiapkan manakala bakinya, iaitu sebanyak 155 buah projek lagi sedang dalam pembinaan. **Bagi pelaksanaan tahun 2014 pula**, sebanyak **24** buah projek yang merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kos sebanyak **RM 130.7 juta**.

Manakala bagi negeri **Sarawak** pula, sebanyak **733 buah projek** dengan anggaran kos sebanyak **RM 1.34 billion** telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke-10 dari Rolling Plan Pertama (tahun 2011) sehingga Rolling Plan Ketiga (tahun 2013). Daripada 733 buah projek tersebut, sebanyak 650 projek-projek pembangunan fizikal institusi pelajaran telah disiapkan manakala sebanyak 83 buah projek pula sedang dalam pembinaan. Bagi pelaksanaan tahun 2014, sebanyak **22 buah** projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah telah diluluskan dengan kos sebanyak **RM 73.6 juta**.

Di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Khas (PRK) yang dikhususkan bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil, sehingga tahun 2014, sebanyak **RM26.33 juta** telah diperuntukkan kepada negeri **Sabah** dan **RM26.99 juta** untuk negeri **Sarawak**.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, bagi memastikan masalah sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak dapat ditangani dengan lebih efektif, KPM telah melaksanakan perwakilan kuasa kepada Pengarah Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan perolehan perkhidmatan yang bernilai sehingga RM5 Juta mulai tahun ini.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah

[Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan di dalam projek perlombongan dan pembinaan kilang pemprosesan silika kualiti tinggi di kawasan Bari, Setiu, apakah cadangan langkah-langkah pemulihan semula tapak tersebut memandangkan Setiu Wetlands adalah di antara aset produk pelancongan utama Terengganu dan juga Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah pemulihan semula tapak (*rehabilitation plan*) projek berkenaan yang telah dicadangkan oleh pemaju projek adalah *decommissioning*. Semua bahan dan struktur terbuang akan dihantar ke pusat kitar semula, penanaman semula pokok di kawasan bekas lombong, pemuliharaan kawasan sungai, penimbusan semula kawasan lombong dan pembinaan *Floating Solar Farm*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 20.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

(a) apakah pencapaian semasa bagi perkembangan Literasi dan Numerasi (LINUS) di seluruh Malaysia bagi tahun semasa dan adakah pelaksanaan LINUS memberi impak positif kepada pendidikan negara dan apakah program LINUS akan berterusan; dan

(b) bagaimanakah pencapaian LINUS bagi negeri Sarawak dan mohon senaraikan pencapaian LINUS bagi setiap Pejabat Pendidikan Daerah seluruh Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat serius dalam usaha membasmi masalah celik huruf dalam kalangan murid di negara ini. Sehubungan itu pelbagai langkah telah diambil oleh KPM termasuklah melaksanakan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) yang bermula pada tahun 2010. Pencapaian semasa LINUS berdasarkan Saringan 1, 2014 Tahun

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY
KAWASAN : KAPAR
TARIKH : 20 NOVEMBER 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY (KAPAR) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) bilangan projek pembinaan yang terbengkalai dalam negara mengikut setiap negeri, sama ada yang dikendali oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta, dan punca-punca yang menyebabkan projek tersebut terbengkalai; dan
- (b) usaha-usaha kementerian bagi memulihkan projek pembinaan yang terbengkalai dan cara-cara untuk mengurangkan projek-projek sedemikian.

JAWAPAN:

(jawapan a dan b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat Sistem Pemantauan Projek JKR (SKALA), setakat ini tiada projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR termasuk dalam kategori projek terbengkalai.

Pada masa kini projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh JKR berada pada kategori Ikut Jadual atau Lewat Jadual sahaja. Untuk projek Lewat Jadual, terdapat sub-kategori Projek Sakit – iaitu merujuk kepada projek yang melebihi tempoh 60 hari dari jadual asal. Kebiasaannya JKR akan mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak bagi Projek Sakit. Sehubungan itu, projek yang telah ditamatkan itu perlu melalui proses lantikan kontraktor yang baru di mana ia akan mengambil tempoh masa antara 6 bulan hingga 1 tahun sebelum kontraktor yang baru dilantik dan memulakan semula baki kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat jawatankuasa pengurusan projek peringkat pra-pembinaan dan jawatankuasa pengurusan projek peringkat pembinaan telah ditubuhkan secara dalaman oleh Pengurusan Atasan JKR. Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau prestasi projek-projek yang sedang dalam peringkat pra-pembinaan dan peringkat pembinaan dan seterusnya membuat intervensi terhadap isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh projek

berstatus Lewat Jadual supaya ia tidak termasuk dalam sub-kategori
Projek Sakit.

Sekian. Terima kasih.